

13 NOV 1998

AETNA-PENGEMBANGAN/I

AETNA NAK TEROKA PASARAN INSURANS PENJAGAAN KESIHATAN TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Seorang ketua korporat Amerika Syarikat (AS) berkata ekonomi Malaysia kini mula menunjukkan petanda pemulihan dengan orang ramai lebih berkeyakinan untuk meneruskan pemulihan.

Pengerusi Aetna International Inc Michael A. Stephens berkata, beliau menyedari orang ramai kini lebih berkeyakinan berbanding dengan enam bulan lalu ketika kali terakhir beliau berada di sini.

"Kesan krisis ekonomi ke atas Malaysia adalah berbeza kini. Rakyat lebih yakin dan optimistik terhadap masa depan.

"Dengan kepimpinan baik dan ekonomi yang semakin pulih, keadaan semakin baik sekarang. Dan pandangan ini datangnya daripada seseorang yang memerhati dari luar," katanya kepada Bernama selepas membuat kunjungan hormat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri, di sini, hari ini.

Stephens yang berada di sini bersempena dengan forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) juga menyuarakan keyakinannya bahawa mesyuarat Apec akan mencapai kejayaan.

Aetna, firma insurans terkemuka di dunia, adalah satu daripada tujuh syarikat "platinum" yang menyumbang AS\$200,000 setiap satu bagi mesyuarat itu.

Stephens juga berkata Aetna merancang untuk meneroka pasaran insurans penjagaan kesihatan Malaysia.

"Kami mahu mengembangkan kegiatan ke bahagian lain jika kerajaan Malaysia membenarkan kami melakukannya. Terdapat banyak peluang kepada kami di sini. Aetna yakin terhadap Malaysia dan merancang untuk terus kekal di sini," katanya.

Bagaimanapun, pelan pengembangan itu masih di peringkat permulaan, kata Stephens yang akan menghadiri mesyuarat APEC yang bermula esok.

-- BERNAMA

RA ZK OS